



**PEMIKIRAN HAMKA MENGENAI TAUHID ULUHIYYAH DAN RUBUBIYYAH:  
KAJIAN DALAM TAFSIR AL-AZHAR SURAH YUSUF AYAT 38-40**

**[HAMKA'S THOUGHTS ON TAUHID *ULUHIYYAH* AND *RUBUBIYYAH*: A STUDY  
IN *TAFSIR AL-AZHAR* OF SURAH YUSUF, VERSES 38-40]**

MARIAM NABILAH MOHD NOOR,<sup>1</sup> MOHD SHAFIEE HAMZAH<sup>1\*</sup> & LUTPI MUSTAFA<sup>1</sup>

2\* Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: mariamnabilah@unisza.edu.my; shafiehamzah@unisza.edu.my

Correspondent Email: nhafizi@unisza.edu.my

*Received: 19 August 2024*

*Accepted: 27 September 2024*

*Published: 7 October 2024*

**Abstrak:** Kajian ini membicarakan tentang konsep pemikiran Hamka dalam kitabnya Tafsir al-Azhar mengenai Tauhid Uluhiyyah dan Rububiyyah yang merujuk kepada Surah Yusuf ayat 38-40. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang tertumpu kepada rujukan perpustakaan. Kajian ini juga menggunakan ayat-ayat dalam Surah Yusuf sebagai asas kajian. Objektif kajian ini menjelaskan konsep pemikiran Hamka dan membandingkan tafsiran Hamka dengan tokoh ulama yang lain berkaitan tauhid uluhiyyah dan rububiyah yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut. Analisis kajian ini menggunakan metode induktif dan deduktif bagi menghasilkan sebuah kajian yang baik. Dapatan kajian merumuskan bahawa konsep pemikiran tauhid Hamka mengenai Uluhiyyah dan Rububiyyah adalah seiring dengan pemikiran tokoh-tokoh Ulama Salaf dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah seperti Abu Hanifah dan Abu Mansur al-Maturidi. Konsep Tauhid Uluhiyyah menjelaskan Maha Esa Allah manakala konsep Tauhid Rububiyyah pula menjelaskan Maha Kuasa Allah. Oleh itu, kajian-kajian yang lebih terperinci mengenai perkara tersebut adalah perlu untuk memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai kedua-dua tauhid ini.

**Kata kunci:** Tauhid, *Uluhiyyah*, *Rububiyyah*. *Tafsir al-Azhar*, Hamka

**Abstract:** This study discusses the concept of Hamka's thoughts in his Tafsir al-Azhar concerning Tauhid *Uluhiyyah* and *Rububiyyah*, focusing on Surah Yusuf, verses 38-40. The study adopts a qualitative methodology centered on library research. It also uses the verses from Surah Yusuf as the foundation for the analysis. The objective of this study is to elucidate Hamka's concept of Tauhid and to compare his interpretation with those of other prominent scholars regarding Tauhid *Uluhiyyah* and *Rububiyyah* found in these verses. The analysis employs inductive and deductive methods to produce a comprehensive study. The findings conclude that Hamka's concept of Tauhid regarding *Uluhiyyah* and *Rububiyyah* aligns with the thoughts of Salaf scholars and the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, such as Abu Hanifah and Abu Mansur al-Maturidi. Tauhid *Uluhiyyah* explains the Oneness of Allah, while Tauhid *Rububiyyah* elaborates on the Omnipotence of Allah. Therefore, further detailed studies on this topic are necessary to enhance public understanding of these two aspects of Tauhid.

**Keywords:** Tauhid, *Uluhiyyah*, *Rububiyyah*. *Tafsir al-Azhar*, Hamka

**Cite This Article:**

Mariam Nabilah Mohd Noor, Mohd Shafiee Hamzah & Lutpi Mustafa. 2024. Pemikiran Hamka Mengenai Tauhid *Uluhiyyah* dan *Rububiyah*: Kajian dalam *Tafsir al-Azhar* Surah Yusuf Ayat 38-40 [Hamka's Thoughts on Tauhid *Uluhiyyah* and *Rububiyah*: A Study in *Tafsir al-Azhar* of Surah Yusuf, Verses 38-40]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(4), 13-32.

**PENGENALAN**

Haji Abdul Malik bin Haji Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenali dengan panggilan Hamka merupakan seorang tokoh yang masyhur di Nusantara. Beliau dilahirkan di Kampung Tanah Sirah, Sungai Batang Maninjau, Sumatera Barat pada 17 Februari 1908 bersamaan 13 Muharam 1326H. Hamka membesar dalam keluarga yang berpegang teguh dan taat kepada ajaran agama (Hamka: 1979). Menurut M.Yunan Yusuf (2005), beliau adalah putera kepada Haji Rasul atau nama sebenar Haji Abdul Karim Amrullah bin Syaikh Muhammad Amrullah (Tuanku Kisai) bin Tuanku Abdullah Saleh (Azyumardi: 1998). Dalam kajian Zawiyah Baba et al (2014), Hamka merupakan seorang ulama, aktivis politik dan penulis Indonesia yang terkenal dan sangat produktif di Alam Melayu termasuk Malaysia dan Singapura sekitar abad ke-20. Pemikiran beliau tertumpu kepada pelbagai persoalan yang dihadapi oleh umat Islam seperti keagamaan, kehidupan sosial, kemasyarakatan dan sastera yang banyak membantu pengembangan intelektual umat Islam. Hamka merupakan seorang tokoh yang petah berpidato, berjiwa seni melalui pantun dan syair yang dikupas dalam karyanya serta seorang yang berani dalam menentang pihak Belanda di Indonesia. Kepopularitian penulisan Hamka adalah dalam pelbagai bidang pengetahuan termasuk ilmu falsafah, kesusasteraan, agama, tafsir, biografi, sejarah, sosiologi dan politik sama ada di Dunia Islam atau Barat.

Hamka telah menghasilkan lebih dari 100 buah buku, ratusan rencana yang termuat dalam majalah, esei dan artikel yang tersebar media massa seperti *Pedoman Masyarakat*, *Aliran Islam*, *Suara Pertai Masyumi*, *Hikmah*, *Mimbar Agama* dan *Panji Masyarakat*. Beliau mula berkarya dari umur 17 tahun dan karya pertamanya berjudul *Khatibul Ummah* yang bermaksud khatib dari umat yang ditulis dalam huruf Arab dan telah dijilid sebanyak 3 kali di Pandang Panjang, Sumatera, Indonesia (Zawiyah Baba et al: 2014).

Menurut Yanuardi Syukur (2017), dengan kemahiran berbahasa Arab dan kemampuan penguasaan bahasa asing lain, Hamka dapat mendalami karya ulama dan pujangga besar di Timur Tengah seperti Zaki Mubarak, Jurji Zaidan, Abbas al-Aqqad, Mustafa al-Manfaluti dan Hussayn Haikal serta mempelajari karya sarjana Perancis, Inggeris dan Jerman seperti Albert Camus, William James, Sigmund Freud, Arnold Toynbee, Jean Paul Sartre, Karl Marx dan Pierre Loti. Kepintaran beliau menunjukkan bahawa orang Indonesia yang berasal dari kampung mampu menguasai limpahan warna keilmuan sekalipun dapat berkontribusi bagi kebudayaan bangsa.

**PENULISAN TAFSIR al-AZHAR**

Menurut Alviyah (2016), Hamka merupakan seorang tokoh pemikir muslim yang *multiwajah*, di mana rambahan pemikiran beliau meliputi pelbagai kajian keilmuan, tidak hanya terfokus kepada kajian keagamaan, tapi juga sejarah, falsafah, psikologi, sastera dan termasuk dalam arena politik. Di antara karya agung Hamka ialah *Tafsir al-Azhar* yang diterbitkan oleh Pustaka

Panjimas dan Gema Insani Press. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Akmal (2019), sebahagian besar masa penulisan karyanya itu berada dalam penjara dan disajikan dengan pendekatan multidisiplin, sama ada dari sudut disiplin tasawuf, sastera, sejarah, psikologi dan sosiologi.

Dalam kajian Muhammad Yusry (2023), beliau memetik kenyataan Ahmad Nuruddin (2002) yang menyatakan bahawa konsep penulisan Hamka terarah kepada tiga bidang penulisan, iaitu bidang agama, sastera dan penulisan ilmiah. Manakala Mohammad Redzuan Othman (2008) pula menyatakan, di antara karya terbesar yang dihasilkan oleh Hamka ialah *Tafsir al-Azhar*. Beliau berjaya mentafsirkan setiap ayat al-Quran berasaskan pelbagai disiplin ilmu agama dengan menggunakan metodologi bersifat semasa termasuk mengaplikasi unsur-unsur dakwah yang menarik.

Menurut Abdul Rouf et al (2013), terdapat dua sebab Hamka menamakan penulisan tafsirnya dengan nama *Tafsir al-Azhar*. Pertama, penulisan tafsir ini bermula ketika Hamka mengikuti pengajian kuliah Subuh di Masjid Agung al-Azhar Kebayoran Baru, sejak tahun 1958. Kedua, beliau mendapat penghargaan gelaran Doktor Honoris Causa dari Universiti al-Azhar, Kaherah. Gelaran ini diberikan oleh Syeikh al-Azhar ketika itu iaitu Syeikh Mahmud Shaltut pada tahun 1960. Antara surah pertama dikaji ialah Surah al-Kahf, juzuk ke 15 dan melalui pengajian tersebut, beliau mengumpul segala ilmu yang diambil dari gurunya kemudian menyusun kembali dalam bentuk tulisan dan diterbitkan secara bersambung dalam majalah Gema Islam selama dua tahun bermula pada tahun 1962.

Pada 27 Januari 1964, Hamka telah ditangkap dan beliau menjadi mangsa fitnah politik. Hamka di penjara atas tuduhan kejahatan subversif kerana dituduh memiliki rencana jahat membunuh Soekarno (voi: 2024). Beliau meringkuk dalam penjara selama dua tahun empat bulan (27 Januari 1964 – 21 Januari 1967). Akibatnya, kegiatan pengajian tafsir al-Qur'an di Masjid Agung al-Azhar dan penulisannya dalam majalah Gema Islam terhenti. Namun, di sebalik penahanan beliau dalam penjara, Hamka memanfaatkan masa tersebut dengan menulis kembali *Tafsir al-Azhar* yang belum selesai. Beliau menyiapkan penulisan tafsir yang mengambil masa selama 20 tahun dalam nuansa politik dan sosial yang mencabar. Tafsir yang ditulis dalam Bahasa Indonesia yang merupakan inisiatif penting untuk mengemukakan manhaj pemikiran yang rasional dalam kajian Ilmu Tafsir. Dalam penulisan tersebut, beliau cuba menzahirkan kefahaman al-Qur'an yang tuntas yang disempurnakan dengan pentarjihan fiqh yang jelas dan meyakinkan. *Tafsir al-Azhar* merupakan penzahiran daripada cetusan pemikiran dan hasrat kebangkitan yang digerakkan oleh Syeikh Muhammad Abduh yang dilihat sebagai *mujadid* dan tokoh pembaharuan fikiran di Mesir. Di samping itu, ianya melakarkan idea dan cita-cita pembaharuan yang diperjuangkan oleh Sayyid Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh dan muridnya, Muhammad Rashid Redha (Seminar Pemikiran Buya Hamka:2019).

Menurut Abdul Rouf et al (2013), penerbitan pertama *Tafsir al-Azhar* dilakukan oleh Penerbit Pembimbing Masa, di bawah pimpinan Haji Mahmud. Cetakan pertama meliputi juzuk 1 hingga juzuk 4, diikuti penerbitan juzuk yang ke-30, manakala juzuk 15 hingga 29 diterbitkan oleh Pustaka Islam Surabaya. Bagi juzuk 5 hingga juzuk 14, diterbitkan oleh Yayasan Nurul Islam Jakarta. Kitab tafsir ini juga telah diterbitkan di Singapura dan di Kuala Lumpur, Malaysia. Kini, *Tafsir al-Azhar* diterbitkan oleh Penerbit Pustaka Panjimas, Jakarta.

## TAFSIR AYAT 38-40 SURAH YUSUF

Ayat 38-40 dalam Surah Yusuf ini menjelaskan tentang peranan yang dimainkan oleh Nabi Yusuf a.s. yang menyampaikan seruan dakwah kepada kedua orang penghuni penjara tentang pegangan yang sebenar. Beliau menggesa kepada mereka berdua agar berfikir secara rasional untuk menolak konsep ketuhanan selain Allah. Konsep ketuhanan pada masa tersebut ialah menyembah datuk dan nenek moyang yang diada-adakan. Justeru, Nabi Yusuf a.s. menolak konsep ketuhanan tersebut dan menerima Allah sebagai Tuhan Maha Esa. Tafsiran Hamka mengenai ayat-ayat tersebut dapat dijelaskan sebagaimana berikut:

### Surah Yusuf ayat 38

Firman Allah Ta'ala:

وَاتَّبَعْتُ مِلَّةَ آبَائِي إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ مِمَّا كَانُوا لَنَا أَنْ نَشْرِكَ بِاللَّهِ مِنْ شَيْءٍ ذَلِكَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ عَلَيْنَا  
وَعَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ

Maksudnya: “Dan aku menurut agama bapa dan datuk nenek ku, iaitu Ibrahim, Ishaq dan Ya’akub, tidak sepatutnya kita melakukan syirik dengan Allah, yang demikian itu kurniaan Allah kepada kita dan kepada sekalian manusia, akan tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.” (Yusuf: 38).

Menjelaskan ayat ini, Hamka dalam tafsirnya menyatakan bahawa seruan dakwah yang disampaikan oleh Nabi Yusuf a.s. adalah menyeru umat manusia ke arah agama tauhid yang diwasiatkan oleh Ibrahim, Ishaq, Ya’qub dan keturunan mereka. Justeru, mereka juga diingatkan untuk bersyukur di atas nikmat dan kurniaan Allah (Hamka: 1982). Pandangan Hamka dikongsi oleh Ibn Kathir (1988) dalam tafsirnya yang menjelaskan bahawa usaha Nabi Yusuf a.s. mengajak kedua penghuni penjara itu ke arah tauhid yang terhindar dari kekafiran dan kemusyrikan. Menurut Abu al-Barakat Abdullah al-Nasafi (1998), beliau menggunakan istilah *al-Millah al-Hanifah* (الملة الحنيفة) yang merujuk kepada Agama Islam yang membawa mereka beriman kepada Allah. Terarah kepada pandangan Abu Sa’ud T.th), seruan yang disampaikan oleh Nabi Yusuf a.s. bertujuan untuk membawa mereka ke arah iman dan tauhid untuk meninggalkan amalan syirik yang menyesatkan dari jalan Allah.

Dengan demikian, ayat di atas menjelaskan tentang pendirian tegas Nabi Yusuf a.s. yang beriman dengan agama tauhid yang diwasiatkan oleh Nabi Ibrahim, Ishaq, Ya’qub dan keturunan mereka, iaitu melarang melakukan perbuatan syirik kepada Allah. Justeru, Nabi Yusuf a.s. menyeru agar sentiasa bersyukur terhadap kurniaan Allah.

### Surah Yusuf ayat 39

Firman Allah Ta'ala:

يُصَاحِبِي السِّجْنِ أَرْبَابٌ مُتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمْ اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ

Maksudnya: “Wahai kedua penghuni penjara, manakah yang lebih baik, tuhan-tuhan yang bermacam-macam itu atau Allah Yang Maha Esa, Maha Perkasa?” (Yusuf ayat 39).

Dalam ayat ini, Hamka menafsirkan tentang kebodohan yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat Mesir yang menyembah dewa dan pelbagai Tuhan termasuk seperti Tuhan Buaya di Sungai Nil, Tuhan Rusa, Tuhan Ular dan termasuk menjadikan Sungai Nil itu sendiri sebagai Tuhan. Nabi Yusuf a.s. berdakwah agar menjauhkan diri daripada unsur-unsur syirik terhadap Allah dengan makhluk. Perlu dijelaskan, Allah Taala mahu menguji keimanan dua orang yang berada di penjara bersama Nabi Yusuf a.s. sama ada untuk memilih pelbagai Tuhan atau ketuhanan Allah Maha Esa (Hamka: 1982).

Menurut Abu Abu Mansur al-Maturidi (2005) dalam menafsirkan ayat ini, beliau menjelaskan sebagai usaha Nabi Yusuf a.s. menyampaikan seruan kepada kedua penghuni penjara agar mentauhidkan Allah dan pandangan beliau diperkukuhkan oleh Ibn Abi Hatim (1419H), bahawa Nabi Yusuf a.s. berdakwah menyeru kedua-dua penghuni penjara agar memeluk Islam. Manakala al-Sya’rawi (1991) dalam tafsirnya menjelaskan, bahawa perkataan *Arbab* (عَرَبَابٌ) dalam ayat di atas ditafsirkan sebagai *Alihah Muta’addidah* (الْهَةِ مُتَعَدِّدَةً) iaitu Tuhan yang kepelbagaian. Akan tetapi, beliau menggunakan terma *Uluhiyyah* yang merujuk kepada Maha Esa Allah sebagai berkata:

لكن في الألوهية نجد الشرك يُضعف العمل

“Akan tetapi, dilihat dari sudut al-Uluhiyyah kita dapati elemen syirik boleh melumpuhkan nilai amal.” (al-Sya’rawi:1991).

Kenyataan al-Sya’rawi ini bermaksud, konsep ketuhanan yang kepelbagaian itu mengandungi elemen syirik yang melumpuhkan nilai-nilai *Uluhiyyah* terhadap Allah. Terarah kepada pandangan Imam al-Baghawi (1995), beliau menafsirkan perkataan *Arbab* (عَرَبَابٌ) sebagai (الْبَهَةُ شَتَّى هَذَا مِنْ ذَهَبٍ وَهَذَا مِنْ فِضَّةٍ) iaitu Tuhan yang dicipta dari emas dan perak. al-Syaukani (1993) pula dalam tafsirnya menafsirkan sebagai berhala.

Menurut As’ad Mahmud Haumad (2009), beliau memperjelaskan maksud pertanyaan Nabi Yusuf a.s. kepada kedua penghuni penjara sebagai berkata: “Adakah Tuhan kepelbagaian yang tidak memberi apa-apa manfaat dan mudarat lebih baik untuk kamu sembah atau kamu mengabdikan diri kepada Allah, Tuhan Maha Esa yang tidak dapat dikalahkan dan tidak dapat dilemahkan lebih baik bagi kamu ?” Syeikh al-Maraghi (1946) menjelaskan maksud pertanyaan dalam ayat di atas sebagai *taqrir* untuk menetapkan bahawa tidak ada Tuhan yang sebenar selain Allah Maha Esa. Manakala Syeikh Muhammad Ali al-Sobuni (1997) dalam tafsirnya menjelaskan, bahawa konsep ketuhanan yang kepelbagaian termasuk menyembah berhala yang tidak sekali-kali mempunyai apa-apa manfaat kerana berhala tidak pernah memakbulkan doa apabila dipohon kepadanya. Rasyid Redha (1990) dalam huraian mengenai ayat ini menjelaskan, bahawa konsep dakwah ke arah mentauhidkan Allah memerlukan hujah dan dalil.

Daripada apa yang dijelaskan ini menunjukkan, bahawa konsep pentafsiran Hamka mengenai ayat di atas ini adalah senada dengan tokoh-tokoh *mufassir* lain, yang mengupas persoalan ketuhanan dan keimanan, justeru menolak unsur-unsur syirik terhadap Allah. Ayat

ini berbentuk komparatif yang membuat perbandingan di antara konsep ketuhanan yang kepelbagaian dengan konsep ketuhanan Allah Maha Esa. Konsep pemikiran Hamka dalam tafsiran ini coba memberi suatu gambaran yang jelas melalui perspektif sejarah yang berlaku di Mesir, di mana kebanyakan masyarakat Mesir ketika itu menyembah pelbagai Tuhan termasuk Sungai Nil itu sendiri dianggap sebagai Tuhan. Justeru, ayat yang ditafsirkan ini sangat sinonim dengan keadaan yang berlaku di Mesir, di mana komparatif ini bertujuan untuk menolak konsep-konsep ketuhanan selain dari Allah.

### Surah Yusuf ayat 40

Firman Allah Ta'ala:

مَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِهِ إِلَّا أَسْمَاءَ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَأَبَاؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ إِنْ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Apa yang kamu sembah selain dari Allah hanya nama-nama yang kamu menamakannya, kamu dan datuk nenek kamu, Allah tidak pernah menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya, sebenarnya hukum (yang menentukan) hanya bagi Allah, Dia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia, yang demikian itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.” (Yusuf: 40).

Menafsirkan ayat di atas ini, Hamka mempunyai pandangannya sendiri untuk menjadikan pentafsirannya terfokus dan terarah. Dalam ayat ini, Hamka menekankan persoalan tauhid sebagaimana maksud yang hendak disampaikan dalam ayat tersebut. Hamka menjelaskan, kepercayaan dalam kalangan masyarakat Mesir ketika itu menyembah apa yang disembah oleh nenek moyang mereka terdahulu. Mereka mengukir batu dan kayu menjadi patung berhala untuk disembah sebagai Tuhan, kemudian mereka sendiri meletakkan nama kepada patung berhala tersebut. Hamka kemudian melanjutkan tafsirnya, bahawa tiada hukum, peraturan dan undang-undang melainkan hukum Allah, peraturan dan undang-undang-Nya. Dia yang mengatur segala perjalanan alam buana ini secara tersusun. Hamka menetapkan, bahawa Allah bukan sahaja diakui ada, bahkan diakui pula peraturan dan hukum-hakamNya yang dibawa oleh para anbia. Beliau menggunakan istilah Tauhid *Uluhiyyah* yang merujuk kepada pengabdian Allah Yang Maha Esa, di mana pengakuan Allah Maha Esa tidak cukup sekiranya tidak mengakui perintah dan larangan-Nya. Manakala istilah Tauhid *Uluhiyyah* adalah merujuk kepada ketuhanan Allah Maha Kuasa yang mencipta alam dan peraturan. Pengakuan Allah Maha Kuasa tidak memadai sekiranya tidak menjalankan peraturan, undang-undang dan hukum-hakam yang datang dari Allah itu (Hamka: 1982). Rasyid Redha (1990) menggunakan istilah *Sifat al-Rububiyyah* dan *A'mal al-Rabb al-Wahid* (صِفَاتِ الرَّبُّوبِيَّةِ وَأَعْمَالِ الرَّبِّ الْوَاحِدِ) ketika menafsirkan ayat (إِنَّا أَسْمَاءَ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَأَبَاؤُكُمْ) dan manakala pada ayat (إِنَّا الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ) beliau menafsirkan sebagaimana berikut:

أَيُّ مَا الْحُكْمُ الْحَقُّ فِي الرَّبُّوبِيَّةِ وَالْعَقَائِدِ وَالْعِبَادَاتِ الدِّينِيَّةِ إِلَّا لِلَّهِ وَحْدَهُ

“ Iaitu tiada hukum yang sebenar sama ada pada Rububiyah, akidah, ibadat keagamaan melainkan hukum Allah Yang Maha Esa.”

Manakala Abu Bakar al-Jaza'iri (1424H) menafsirkan ayat (إِن الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ), bahawa tiada hukum melainkan hukum Allah dan Allah telah menetapkan hukumnya bahawa tiada pengabdian melainkan hanya kepadaNya, justeru pengabdian selain dariNya adalah batil dan wajib ditinggalkan. Maka itulah yang dinamakan *Din al-Qayyim* yang mengabdikan diri hanya kepada Allah Maha Esa.

Daripada apa yang dinyatakan mengenai pandangan dan tafsiran tokoh-tokoh *mufassir* mengenai ayat di atas ini, konsep pemikiran Hamka terarah untuk memperluaskan lagi skop perbincangan dan melihat ayat di atas dari sudut yang sangat penting, iaitu konsep tauhid. Beliau membuat perbandingan mengenai kepercayaan sesat masyarakat Mesir kuno yang menyembah pelbagai Tuhan dengan kepercayaan pengabdian diri kepada Allah Yang Maha Esa. Dengan demikian, para pembaca dan peneliti mendapat perspektif yang jelas dan memahami metodologi yang digunakan oleh Hamka dalam menafsir ayat ini. Tafsiran beliau mengenai Tauhid *Uluhiyyah* dan *Rububiyah* diperkukuhkan oleh tokoh-tokoh ulama dan ilmuwan tafsir yang lain seperti Syekh al-Sya'rawi dan Rasyid Redha.

#### **TERMA ULUHIYYAH DAN RUBUBIYYAH DALAM AYAT 38-40**

Menurut Muhammad Yusry (2023), Hamka mengemukakan konsep Tauhid *Uluhiyyah* dan *Rububiyah* berdasarkan kaedah mengenal Allah Taala menurut pegangan tokoh-tokoh Ulama Salaf. Dalam kajian Idris Saputra (2014), beliau membuat kesimpulan mengenai konsep pemikiran tauhid Hamka yang terarah kepada Tauhid *Uluhiyyah* sebagai menolak unsur-unsur syirik dalam mengabdikan diri kepada Allah, kerana Dia adalah Tuhan Maha Esa yang wajib disembah. Manakala Tauhid *Rububiyah* pula merupakan Maha Kuasa Allah yang mencipta, mengurus dan mentadbir perjalanan alam buana ini.

Berbicara mengenai ayat 38 Surah Yusuf, Hamka menjelaskan bahawa Nabi Yusuf a.s. menyerukan kepada umat manusia agama tauhid yang telah diwasiatkan oleh Ibrahim, Ishaq, Ya'qub dan keturunan mereka. Ayat 39 pula Hamka menjelaskan bagaimana kesesatan dan kebodohan yang berlaku dalam masyarakat Mesir yang percaya kepada pelbagai Tuhan termasuk menyembah dewa. Justeru, beliau menolak unsur-unsur syirik yang menyekutukan Allah dengan makhluk. Manakala dalam ayat 40, Hamka menjelaskan bahawa Nabi Yusuf a.s. berdakwah menolak sembah nenek moyang yang berupa berhala yang dibuat kayu dan batu, kemudian diukir dan dipahat, kemudian mereka menamakan berhala tersebut untuk disembah.

Namun, perbincangan dan perbincangan mengenai ayat-ayat ini, Hamka mempunyai pandangannya sendiri yang menafsirkan perkataan *Arbab* (عَرَبَابٌ) sebagai ayah, nenek, datuk dan moyang, iaitu *Grandfathers* dan anak-anak cucu disebut sebagai *Grandsons*. Hamka menafsirkan, bahawa Nabi Yusuf a.s. menolak konsep ketuhanan seumpama ini kerana ianya mengandungi unsur syirik terhadap Allah, beliau kemudian menjelaskan konsep kepercayaan terhadap ketuhanan Allah sebagai berkata:

“Itulah ajaran Tauhid, itulah dia Islam, yang bererti penyerahan diri hanya kepada SATU pusat kepercayaan, tidak bercabang dan tidak pecah. Tujuan yang

SATU itu ialah Allah, Pencipta dari seluruh alam ini. Itulah kurnia Allah kepada kami dan kepada manusia. Sebab dengan demikian kami bebas dari pengaruh yang lain dan tujuan hidup kami tidak berpecah bercabang-cabang. Lantaran itu hati kami bulat di dalam menghadapi dunia ini. Ajaran Tauhid, kesatuan tujuan dan persembahan adalah kurnia paling besar dari Allah kepada manusia sebab mereka tidak diperbodoh lagi oleh apa yang mereka katakan tuhan atau dewa, padahal mereka sendiri yang memperbuatnya dengan tangannya.”(Hamka: 1982).

Manakala konsep *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* Allah dijelaskan setelah beliau menceritakan keadaan masyarakat Mesir yang percaya kepada dewa sebagai Tuhan, mereka percaya adanya Tuhan Buaya di Sungai Nil, ada Tuhan Rusa, Tuhan Ular dan Tuhan Sungai Nil sendiri sehingga beratus-ratus Tuhan lagi termasuk Sang Hyang Widi dan Sang Hyang Tunggal. Beliau menjelaskan konsep *Uluhiyyah* Allah sebagai “*Yang Tunggal itulah Allah, Yang Tidak bersekutu dengan yang lain. Dialah Yang Maha Esa...*” (Hamka: 1982). Manakala konsep *Rububiyyah* Allah disebut sebagai “*Dialah Maha Perkasa, Pengatur, Pentadbir seluruh yang ujud ini.*” (Hamka: 1982). Beliau kemudian melanjutkan tafsirannya:

“Segala manusia yang sihat fikiran, nescaya mengakui adanya Tuhan Yang Maha Esa. Pengakuan akan adanya Yang Maha Esa, tidaklah cukup, kalau tidak mengakui pula akan perintah dan larangan-Nya. Satu pokok peraturan-Nya ialah mengakui adanya Allah sebagai Pencipta Alam. Itulah Tauhid Uluhiyah. Kemudian diakui pula bahawa Dia bukan semata-mata menjadikan, tetapi juga membuat peraturan. Itulah Tauhid Rububiyyah. Segala kekuasaan dalam dunia ini kalau tidak menjalankan peraturan yang datang dari Allah itu, tidaklah sah pengakuannya.” (Hamka: 1982).

Pada tafsiran ini Hamka dapat dirumuskan, bahawa konsep *Uluhiyyah* Allah adalah merujuk kepada konsep Maha Esa Allah sebagai Tuhan yang wajib diabdikan, manakala konsep *Rububiyyah* Allah adalah merujuk kepada konsep Maha Kuasa Allah, bahawa Dia bukan semata-mata menjadikan, bahkan membuat segala peraturan alam ini.

Perlu dijelaskan, sebelum beliau mengemukakan konsep *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* dalam tafsiran ayat 38-40 ini dan sebelum ini beliau telah mengemukakan kedua-dua terma ini ketika menafsirkan ayat 5 Surah al-Fatihah. Hamka menjelaskan, bahawa yang patut disembah sebagai *Ilah* hanya Allah yang dinamakan Tauhid *Uluhiyyah*, manakala mengakui yang patut untuk memohon pertolongan, sebagai *Rabb* hanya Allah yang dinamakan Tauhid *Rububiyyah*. Untuk mendapat gambaran yang jelaskan mengenai kedua-dua tauhid ini, Hamka kemudian mengemukakan suatu permissalan:

“Untuk misal yang mudah tentang Tauhid Uluhiyah dan Tauhid Rububiyyah ini ialah seumpama kita ditolong oleh seorang teman, dilepaskan dari satu kesulitan. Tentu kita mengucapkan terima kasih kepadanya. Adakah pantas kalau kita ditolong misalnya oleh si Ahmad, lalu kita mengucapkan terima kasih kepada si Hamid? Maka orang yang mengakui bahawa yang menjadikan alam dan



memelihara alam ialah Allah juga, tetapi menyembah kepada yang lain, adalah orang itu musyrik. Tauhidnya sendiri pecah-belah; menerima nikmat dari Allah mengucapkan terima kasih kepada berhala.”(Hamka: 1982)

Contoh yang dikemukakan oleh Hamka sangat tepat, kedua-dua terma ini merujuk kepada konsep ketuhanan, namun berbeza dari sudut hakiki dan realiti, di mana konsep Maha Esa Allah mengenai *Uluhiyyah* adalah Esa pada Zat-Nya yang tidak ada syirik bagi-Nya, manakala konsep Maha Esa Allah mengenai *Rububiyyah* adalah Esa pada Qudrat dan Iradat-Nya, di mana tidak ada kuasa lain yang setanding dengan kuasa Allah.

### **KONSEP PEMIKIRAN HAMKA MENGENAI ULUHIYYAH DAN RUBUBIYYAH SEBAGAI TAUHID**

Menurut Ahmad Khairani (2023) dalam kajiannya, konsep tauhid yang dikemukakan Hamka terdiri dari tiga aspek, iaitu Zat Allah, Sifat Allah dan *Af'al* Allah. Pemikiran tauhid Hamka ini sama seperti tauhid yang diajarkan oleh Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari, di mana ketiga-tiga aspek ini sentiasa terkait di antara satu sama lain. Dalam kajian Lutfia Nur Afifah (2022), beliau menjelaskan bahawa konsep pemikiran Hamka mengenai Tauhid *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* adalah sama dengan konsep pemikiran Sayyid Qutb yang tercatat tafsirnya. Tauhid *Uluhiyyah* adalah merujuk kepada konsep Allah Maha Esa yang wajib disembah, manakala Tauhid *Rububiyyah* adalah merujuk kepada konsep Allah Maha Mencipta.

Menjelaskan konsep akidah menurut Hamka, Rafli (2020) dalam kajiannya melihat pemikiran akidah yang dicetuskan oleh Hamka sebagai *way of life* dalam landasan hidup bermasyarakat. Pemikiran beliau terarah menyatukan kepercayaan agar tidak terpecah-pecah dan tunduk hanya kepada Zat Yang Maha Esa yang dijelaskan sebagai *Uluhiyyah*. Zat itu juga berkuasa mengatur-urus perjalanan alam ini tanpa bantuan dan pertolongan, mentadbir putaran alam ini menurut satu aturan dan segala-galanya tertakluk kepada hukum-hukum yang ditetapkan yang dijelaskan sebagai *Rububiyyah*. Akidah yang merupakan satu konsep yang melambangkan kepercayaan monoteisme dalam Islam yang mempercayai bahawa Tuhan itu Maha Esa, kemudian Dia mencipta, menguasai dan mengatur alam semesta ini sebagai Maha Kuasa. Justeru, inilah disebut sebagai *Uluhiyyah* sebagai Maha Esa Allah dan *Rububiyyah* sebagai Maha Kuasa Allah.

Memahami konsep pemikiran Hamka mengenai *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* dalam menafsirkan ayat-ayat ini dapat dijelaskan sebagaimana berikut:

**Pertama:** Bahawa konsep *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* Allah sebagai akidah yang mentauhidkan Allah pada Zat-Nya, segala Sifat-Nya dan segala *Af'al*-Nya. Bertauhid bererti takut dan menundukkan diri kepada Allah, iaitu beribadat dan mengabdikan diri hanya kepada-Nya.

**Kedua:** Bahawa Tauhid *Uluhiyyah* ialah mengakui dan mempercayai kepada konsep ketuhanan Allah Yang Maha Esa, tidak ada syirik bagi-Nya, tidak berbilang, tidak ada permissalan, perbandingan, penyerupaan dan perumpamaan.

**Ketiga:** Manakala Tauhid *Rububiyyah* ialah mengakui dan mempercayai kepada konsep ketuhanan Allah Yang Maha Kuasa yang mencipta alam dan menetapkan segala peraturan, undang-undang dan hukum-hakam di alam buana ini.

Untuk memahami maksud dan pengertian *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah*, para ulama, ilmuwan Islam dan tokoh-tokoh *lughah* menjelaskan sebagaimana berikut:

### Konsep *Uluhiyyah*

Berbicara dari sudut bahasa, Fayruz Abadi (2005) menjelaskan bahawa perkataan *Uluhiyyah* yang dibina di atas *wazan alaha-ilahah-uluhah-uluhiyyah* (أَلَهَ إِلاَهَةَ أَلُوَهَةَ أَلُوَهِيَّةَ) yang bererti *ma'luh*, iaitu yang dipertuhankan dan pandangan beliau dikongsi oleh Abu Nasr Isma'il bin Hammad al-Jawhari (1987) yang menjelaskan sebagai *ma'luh* atau *ma'bud*, iaitu yang diabdikan. Manakala Ibn Faris (2001) memaksudkan sebagai *ta'abbud*, iaitu pengabdian. Sa'di Abu Jayb (1988) dalam *al-Qamus al-Fiqhi* menjelaskan sebagai setiap yang diambil untuk diibadatkan, iaitu Allah Ta'ala. Terarah kepada pandangan al-Ragib al-Asfahani (1412H), beliau menjelaskan dengan maksud *takhayyara* iaitu merasa bingung kerana Allah adalah Zat yang menjadikan seseorang itu merasa bingung untuk mengetahui hakikatNya. Dalam kalangan ulama tafsir, seperti al-Zamakhsyari (1407H), Imam al-Baghawi (1993), al-Qurtubi (1988), al-Jawhari (2004) dan termasuk al-Razi (1990) menafsirkan *Ilah* dengan makna *ma'luh*. Ibn al-Jawzi (2002) menjelaskan *Ilah* dengan makna *ma'luh* sebagai *Ilah Wahid*. Manakala Ibn Jarir al-Tabari (1988) pula menjelaskan dengan maksud *ubudiyyah*, iaitu diibadat atau diabdikan.

Daripada penjelasan ini dapat disimpulkan, bahawa perkataan *Uluhiyyah* yang bermaksud *ma'luh* atau *ma'bud* atau *takhayyara* adalah merujuk kepada konsep ketuhanan Allah Maha Esa, iaitu yang diterjemahkan dengan makna 'yang diibadatkan' atau 'yang diubudiyyah' atau 'yang diabdikan' iaitu Allah Taala.

Berbicara dari sudut istilah pula, Imam Ahmad bin Hanbal (1999) membicarakan konsep *Uluhiyyah* dengan menggunakan terma *Ilahiyyah*. Beliau membahaskan terma ini dalam kitab *Usul al-Sunnah* dan disyarah oleh dua orang tokoh ulama, iaitu Syeikh Abdullah bin Abdul Rahman al-Jibrin dan Syeikh Walid bin Muhammad Nubayh. Menurut Abu al-'Izz (T.th), beliau mendefinisikan Tauhid *Uluhiyyah* sebagai keyakinan yang mutlak hanya kepada Allah Taala, tidak berbelah bagi dan tidak merasa ragu-ragu serta tidak sekali-kali menyekutukan-Nya dengan sesuatu, sama ada pada Zat-Nya atau *Af'al*-Nya atau Sifat-Nya. Menurut Sayyid Muhammad Rasyid Redha (1999), beliau mendefinisikan Tauhid *Uluhiyyah* sebagai mentauhidkan Allah dan beribadat hanya kepada-Nya dan tidak mensyirikan-Nya dengan yang lain. Manakala Abu Bakar Jabir al-Jaza'ir (1407H) mendefinisikan Tauhid *Uluhiyyah* sebagai mengesakan Allah dari sudut pelaksanaan amal ibadat menurut cara-cara yang ditetapkan dalam syari'at-Nya. Menjelaskan pandangan Syeikh Muhammad Na'im Yasin (1979), beliau mendefinisikan Tauhid *Uluhiyyah* sebagai menetapkan segala ibadat dan pengabdian diri hanya kepada Allah semata-mata. Terarah kepada pandangan Imam Muhammad Ibn Nasr al-Marwazi (1406H), beliau menggunakan terma *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* ketika menjelaskan makna iman sebagai *al-Khudu' lillah bi al-Ubudiyyah*, iaitu tunduk kepada Ubudiyyah Allah dan *al-Khudu' lillah bi al-Rububiyyah*, iaitu tunduk kepada *Rububiyyah* Allah.

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan, bahawa Tauhid *Uluhiyyah* adalah mengesakan Allah melalui perbuatan hamba dengan beribadat hanya kepada-Nya semata-mata, bukan kerana yang lain. Konsep tauhid ini bermaksud keyakinan yang pasti kepada Allah sebagai Tuhan Maha Esa yang wajib diabdikan, sama ada dari sudut zahir dan batin tanpa ada

sesuatu di antaranya (Hafiz Ibn Ahmad Hamaki: T.th). Justeru, tauhid ini mempunyai pertalian dalam pengabdian atau pengibadatan, sama ada terkait dengan perkataan atau perbuatan atau perniatan (Sulayman bin ‘Abd Allah: 1987).

### **Konsep Rububiyah**

Berbicara dari sudut bahasa, perkataan *Rububiyah* diambil dari perkataan *Rabb* yang merupakan masdar yang dibina dari wazan *Rabba-Yarubbu-Rabban* (رب يرب رباً) yang bererti ‘mengurus’ dan ‘mengatur.’ (Ibn Qutaybah al-Daynuri: 1978). Abu al-Qasim al-Asfahani (1412H) menjelaskan, bahawa perkataan *Rabb* secara harfi bererti mengurus, mendidik, menumbuhkan sesuatu sehingga mencapai maksud. Menurut Ibn Faris (2001), beliau menjelaskan perkataan *Rabb* diertikan sebagai Malik (مالك) pemilik atau penguasa, Khaliq (خالق) pencipta dan Sahib (صاحب) pemilik. Manakala Ibn Manzur (t.th). pula menjelaskan, maksud perkataan *Rabb* sebagai ‘penguasa segala sesuatu.’ Menurut pandangan Ibn al-Athir (1979), beliau menjelaskan perkataan *Rabb* bererti *Malik* (مالك) pemilik atau penguasa, *Sayyid* (سيد) tuan atau pemimpin, *Mudabbir* (مدبّر) pengatur, *Murabbi* (مرتبّي), pendidik, *Qayyim* (قيّم) penjaga dan *Mun‘im* (منعم) pemberi nikmat. Terarah kepada pandangan Imam al-Tabari (1988), beliau menjelaskan perkataan *Rabb* sebagai Pengatur, Penguasa, Pencipta dan Pemerintah. Memimpin pandangan Ibn Qayyim al-Jauziyyah (t.th), beliau menyatakan bahawa perkataan *Rabb* adalah Zat Maha Kuasa. Menurut Maulana Abu Kalam Azad (1991), beliau menjelaskan makna *Rabb* sebagai Pemelihara, manakala Syeikh Muhammad Rasyid Redha (2005) pula menjelaskan makna *Rabb* sebagai mengatur dan memelihara.

Daripada apa yang dijelaskan ini dapat disimpulkan, bahawa perkataan *Rabb* adalah wazan yang menjadi rumpun bahasa dan membentuk perkataan *Rububiyah*. Sebagaimana yang dijelaskan dalam perbahasan tokoh-tokoh ulama dan ilmuwan Islam, perkataan *Rabb* bererti tuan, *Malik* (مالك) pemilik atau penguasa, *Sayyid* (سيد) tuan atau pemimpin, *Mudabbir* (مدبّر) pengatur, *Murabbi* (مرتبّي), pendidik, *Qayyim* (قيّم) penjaga dan *Mun‘im* (منعم) pemberi nikmat. Bererti, perkataan *Rabb* itu adalah Allah itu sendiri yang merujuk kepada Maha Kuasa ke atas sekalian makhluk di alam ini.

Berbicara dari sudut istilah, dalam kalangan tokoh-tokoh ulama dan ilmuwan Islam membincangkan terma ini dikaitkan dengan terma tauhid. Di antara mereka ialah Sayyid Muhammad Rasyid Redha (1999), beliau mendefinisikan tauhid ini sebagai Tauhid Kekuasaan. Definisi ini menjelaskan, bahawa Tauhid *Rububiyah* hanya meletakkan Allah Taala sahaja Tuhan Yang Maha Esa, Maha Pencipta kepada seluruh alam dan Maha Pemilik segala-galanya. Definisi Tauhid *Rububiyah* ini boleh dijelaskan sebagai keyakinan dan kepercayaan bahawa hanya Allah sahaja satu-satunya Pencipta, Pemilik dan Pentadbir alam ini dengan ketentuannya, dia menghidupkan, mematikan dan mengendalikan segala perjalanan alam ini mengikut sunnah-sunnahnya (Abdullah al-Buraikan: (1998). Menurut Abu Bakar Jabir al-Jaza’ir (1407H), beliau mendefinisikan Tauhid *Rububiyah* sebagai membatalkan atau menafikan adanya sekutu bagi Allah dalam sifat-sifat *Rububiyah*-Nya. Kesedaran mengenai konsep ketuhanan akan mencetuskan kefahaman mengenai *Tauhid Rububiyah*, iaitu keyakinan bahawa Dialah Allah satu-satunya Maha Pencipta semua makhluk (Soleh ibn Fauzan: 1418).

Sebagai kesimpulan, Tauhid *Rububiyah* boleh dijelaskan sebagai keimanan kepada Allah yang dilihat dari sudut Quadrat dan IradatNya, iaitu kekuasaan dan kehendak-Nya yang

mencipta seluruh alam ini, yang mentadbir dan mengatur segala perjalanan alam ini, yang memelihara dan menjaga, yang menghidupkan dan mematikan. Tauhid *Rububiyah* ini merupakan tauhid yang membicarakan tentang *Af'alullah*, iaitu perbuatan Allah ke atas sekalian makhluk. Komparatif di antara kedua-dua terma ini yang dibahaskan oleh para ulama dan tokoh-tokoh ilmuwan Islam membuktikan, bahawa maksud dan pengertian perkataan *Uluhiyyah* dan *Rububiyah* adalah sama sahaja yang merujuk kepada ketuhanan, namun kedua-dua terma ini berbeza dari konsep, di mana konsep *Uluhiyyah* adalah merujuk kepada Maha Esa Allah, manakala konsep *Rububiyah* adalah merujuk kepada Maha Kuasa Allah. Dengan demikian, konsep pemikiran Hamka mengenai Tauhid *Uluhiyyah* dan *Rububiyah* adalah selari dan seiring dengan tokoh-tokoh ulama dan ilmuwan Islam yang lain dalam Ilmu Tauhid.

### PEMIKIRAN TAUHID HAMKA MENEPATI AKIDAH AHL al-SUNNAH

Konsep pemikiran tauhid Hamka mengenai Tauhid *Uluhiyyah* dan *Rububiyah* adalah sejajar dengan pemikiran tokoh-tokoh ulama dan ilmuwan Islam dalam kalangan Ulama Salaf dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Perkara ini dapat dibuktikan sebagaimana kenyataan Imam Abu Hanifah (T.th) yang hidup seawal tahun 80-150H/ 699-767M telah memperkatakan terma *Uluhiyyah* dan *Rububiyah* dalam kitabnya *al-Fiqh al-Absath* ketika membahaskan mengenai *Bab Ithbat al-'Uluww*, beliau berkata:

مَنْ قَالَ لَا أَعْرِفُ رَبِّي فِي السَّمَاءِ أَوْ فِي الْأَرْضِ فَقَدْ كَفَرَ وَكَذَّابًا مَنْ قَالَ إِنَّهُ عَلَى الْعَرْشِ وَلَا أَدْرِي الْعَرْشَ  
أَوْ فِي السَّمَاءِ أَوْ فِي الْأَرْضِ وَاللَّهُ تَعَالَى يُدْعَى مِنْ أَعْلَى لَا مِنْ أَسْفَلٍ لَيْسَ مِنْ وَصْفِ الرُّبُوبِيَّةِ وَالْأُلُوْهِيَّةِ  
فِي شَيْءٍ

“Sesiapa berkata: Aku tidak mengetahui Tuhan ku di langit atau di bumi nescaya dia kufur, demikian juga sesiapa berkata: Sesungguhnya Dia di atas ‘Arash dan tidak mengetahui di mana ‘Arash sama ada Dia di langit atau di bumi, Allah Taala diseru dari atas bukan dari bawah, tidak harus disifatkan sifat *Rububiyah* dan *Uluhiyyah* pada sesuatu.” (Ahmad bin Nu'man: T.th).

Kenyataan Abu Hanifah yang memperkatakan tentang istilah *Uluhiyyah* dan *Rububiyah* adalah terkait dengan elemen tauhid, kerana mereka yang jahil atau tidak tahu Tuhan di langit atau di bumi dihukumkan sebagai kafir dan perkara ini merujuk kepada Tauhid *Uluhiyyah*. Manakala kenyataan beliau mengenai ‘Arash dilihat sebagai kekuasaan Allah Maha Mencipta yang merujuk kepada Tauhid *Rububiyah*. Memahami kenyataan Abu Hanifah, perkara ini dapat dirumuskan sebagaimana berikut:

**Pertama:** Abu Hanifah menghukumkan kufur kepada sesiapa yang tidak mengetahui konsep ketuhanan Allah kerana kejahilan tentang hakikat-Nya, gagal memahami sifat-sifatNya dan tidak mengerti konsep keesaan-Nya dan kekuasaan-Nya.

**Kedua:** Dengan sifat kejahilan tersebut, dia akan membuat andaian-andaian di luar jangka dan meletakkan Allah mempunyai tempat, sama ada Dia berada di langit atau di bumi atau Dia berada di atas ‘Arash dan berlegar-legar di situ.

**Ketiga:** Dengan kejahilan itu juga, dia akan menyifatkan Allah sama dengan sifat-sifat makhluk, seperti Allah mempunyai bentuk, berjasad, berjisim, ada rupa dan bergerak ke sana dan ke sini.

**Keempat:** Abu Hanifah memahami ‘Arash dilihat dari sudut kekuasaan Allah dan keagungan-Nya mencipta ‘Arash, bukannya Allah berada dan duduk di atas ‘Arash. Oleh itu, kejahilan memahami ‘Arash dan pentafsirannya serta mengaitkannya dengan Allah boleh membawa kepada kekufuran, kerana menganggap Allah berada di sekitar ‘Arash ketika menciptanya.

**Kelima:** Abu Hanifah menyebut terma *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* sebagai sifat (وَصْفٍ) di antara sifat-sifat Allah dan kejahilan memahami kedua-dua sifat ini boleh membawa kepada kekufuran. Oleh itu, kejahilan memahami konsep ketuhanan terarah kepada kegagalan memahami sifat *Uluhiyyah* dan kejahilan memahami konsep penciptaan Allah, iaitu ‘Arash adalah kegagalan memahami konsep *Rububiyyah*.

Dengan demikian, konsep pemikiran Abu Hanifah mengenai sifat *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* adalah merujuk kepada kefahaman dalam menguasai konsep ketuhanan dari sudut Maha Esa Allah dan Maha Kuasa Allah. Apa yang hendak dijelaskan oleh beliau ialah bahawa pengetahuan tentang keesaan-Nya dan kekuasaan Allah wajib dibina melalui ilmu yang mantap, pengetahuan dan mendalam, tanpa kejahilan dan kebodohan, tanpa perasaan dan sangkaan, kerana keimanan dan keislaman seseorang hamba dibina di atas asas keyakinan dan istiqamah. Kenyataan Abu Hanifah mengenai konsep *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* diperkuatkan dengan kenyataan Abu Mansur al-Maturidi (T.th) yang merupakan salah seorang tokoh yang mengasaskan Mazhab ahl al-Sunnah wa Jama’ah. Beliau menggunakan kedua-dua terma ini ketika membuat syarahan mengenai kenyataan Abu Hanifah kitabnya *al-Fiqh al-Akbar* untuk menjelaskan makna tauhid sebagai berkata:

والتوحيد أي نفي الشرك في الألوهية والربوبية والخالقية والأزلية والقدمية والقيومية والصدمية

“Adapun tauhid, iaitu menafikan syirik pada *Uluhiyyah*, *Rububiyyah*, *al-Khaliyyat*, *al-Azaliyyat*, *al-Qadimiyyat*, *al-Qayyumiyyat* dan *al-Samadiyyat*.”  
(Abu Mansur al-Maturidi: T.th).

Abu Mansur al-Maturidi menjelaskan konsep *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* sebagai tauhid, di mana beliau mendefinisikan tauhid ialah menafikan dengan sekeras-kerasnya dan menolak unsur-unsur syirik yang dinisbah kepada Allah mengenai *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah*nya, juga termasuk sifat-sifatnya yang lain seperti *al-Khaliyyat* (Maha Pencipta), *al-Azaliyyat* (Kekal Azali), *al-Qadimiyyat* (Bersedia), *al-Qayyumiyyat* (Maha Perkasa) dan *al-Samadiyyat* (Tempat Bergantung). Pandangan beliau juga dikongsi oleh Abu al-Muntaha al-Mughnisawi (2009) ketika membuat ulasan mengenai perkara tersebut dalam *Syarh al-Fiqh al-Akbar*. Abu Mansur al-Maturidi menempatkan kedua-dua terma ini dalam pengertian tauhid yang terarah kepada konsep keesaan Allah, iaitu menafikan unsur-unsur syirik pada Zat Allah dan Af’alNya, sama ada dalam bentuk tasbih atau *tamthil* atau *ta’til* atau *tajsim*. Beliau memperkuatkan pandangannya dengan menafikan unsur-unsur syirik pada sifat-sifat Allah yang lain, iaitu *al-Khaliyyat*, *al-Azaliyyat*, *al-Qadimiyyat*, *al-Qayyumiyyat* dan *al-Samadiyyat*.

Ketika menjelaskan pandangan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang dibinanya mengenai sifat ketinggian Allah dan keagungan-Nya, Abu Mansur al-Maturidi (2009) menyebut terma *Rububiyyah* sebagai berkata:

أما مذهب أهل السنة والجماعة أن الله تعالى على العرش علو عظمة وربوبية لا علو ارتفاع مكان ومسافة

“Adapun pandangan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah bahawa Allah Ta'ala tinggi di 'Arash dengan keagunganNya, kerana sifat Rububiyyah itu bukan dilihat dari sudut tinggi kedudukan tempat dan mempunyai jarak.”

Ketika selesai menafsir dan membahaskan ayat-ayat dalam Surah al-Ikhlās, Abu Mansur al-Maturidi (2005) dalam kitab tafsirnya *Takwilat Ahl al-Sunnah* telah membuat rumusan mengenai ayat-ayat dalam surah tersebut sebagai berkata:

سورة الإخلاص لأنها في إخلاص التوحيد لله ونفي الأشباه والشركاء في الألوهية والربوبية وأن كل شيء سواه مرئوب ومملوك له ولا قوة إلا بالله

“Surah al-Ikhlās, memperkatakan tentang keikhlasan tauhid kepada Allah dan menafikan syubhat dan unsur-unsur syirik pada al-Uluhiyyah dan al-Rububiyyah, kerana segala sesuatu selain dari Allah sama ada dikuasai dan dimiliki tidak mempunyai apa-apa kekuatan melainkan hanya Allah.”

Dengan penjelasan ini, sebagaimana kenyataan Abu Hanifah dan Abu Mansur al-Maturidi membuktikan, bahawa pemikiran tauhid Hamka mengenai Tauhid *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* adalah selari dan seiring dengan kedua-dua tokoh ini, di mana Tauhid *Uluhiyyah* merujuk kepada konsep Maha Esa Allah dan manakala konsep *Rububiyyah* Allah merujuk kepada Maha Kuasa Allah.

Di antara tokoh-tokoh ulama dan ilmuwan lain yang memperkatakan tentang konsep *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* Imam Muhammad bin Nasr al-Marwazi (1986) yang dilahirkan pada tahun 202-294H. Beliau menjelaskan terma ini ketika membahaskan sebuah hadith riwayat Imam Muslim mengenai persoalan Islam, Iman dan Ihsan:

هو الخُضوعُ لله بِالْعُبُودِيَّةِ وَالخُضُوعُ لَهُ بِالرُّبُوبِيَّةِ وَكَذَلِكَ خُضُوعُ اللِّسَانِ بِالْإِقْرَارِ بِالْإِلَهِيَّةِ بِالْإِخْلَاصِ لَهُ

“Iaitu tunduk kepada Allah dengan ubudiyyah dan tunduk bagiNya dengan Rububiyyah, demikian juga tunduk secara lisan ialah melalui ikrar dengan Uluhiyyah ikhlas keranaNya.”

Penjelasan al-Marwazi ini terarah kepada elemen tauhid yang menekankan konsep *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah* dalam pengabdian. Walaupun ulasan beliau mengenai kedua-dua tauhid ini tidak selengkap sebagaimana sekarang, namun secara asasnya kenyataan beliau telah membuka jalan ke arah memahami kedua-dua terma ini. Di samping itu, Ibn Abu Zayd al-Qayrawani al-Maliki (1986) yang hidup pada 310-386H/ 922-996M dalam *muqaddimah*

kitabnya *al-Risalah al-Fiqhiyyah* menyebut perkataan Ilah dan Rabb yang merujuk kepada *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* ketika membahaskan persoalan iman sebagai berkata:

الإِيمَانُ بِالْقَلْبِ وَالنُّطْقِ بِاللِّسَانِ بِأَنَّ اللَّهَ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ غَيْرُهُ وَلَا شَيْبَةٌ لَهُ وَلَا نَظِيرٌ خَالِقًا لِكُلِّ شَيْءٍ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعِبَادِ وَرَبُّ أَعْمَالِهِمْ وَالْمُقَدَّرِ لِحَرَكَاتِهِمْ وَأَجَالِهِمْ

“Iaitu, beriman dengan hati dan mengucapkan dengan lisan bahawa Allah adalah Ilah Maha Esa, tidak ada Ilah yang berhak diibadat melainkan Dia, tidak ada yang serupa denganNya dan tidak ada tandinganNya, Pencipta segala sesuatu, bahawa Dia adalah Rabb hamba-hambaNya dan Rabb bagi amalan-amalan mereka, dan yang mentakdirkan gerakan-gerakan mereka dan ajal-ajal mereka.”

Memahami kenyataan Ibn Abu Zayd al-Qayrawani ini, beliau cuba menghuraikan definisi iman yang terkait dengan *Tasdiq* di hati dan *Iqrar* dengan lisan yang terarah untuk mengesakan Allah yang tiada *Ilah* selain Dia dan tiada perbandingan dengan sesuatu. Beliau kemudian menyebut terma *Rabb* sebagai *al-Muqaddir* yang berkuasa menggerakkan amalan setiap hamba-hamba-Nya dan menentukan ajal mereka. Dengan demikian, secara tidak langsung beliau membezakan makna *Ilah* yang merujuk kepada ketuhanan Allah Maha Esa dan makna *Rabb* yang merujuk ketuhanan Allah Maha Kuasa. Kedua-dua terma ini terkait dengan Tauhid *Uluhiyyah* dan Tauhid *Rububiyyah*.

Menurut Syeikh Abdul Qadir al-Jilani (2010) yang hidup pada 470-561H/ 1077-1166M merupakan seorang pendakwah dan tokoh sufi yang hebat dalam Mazhab Hanbali dari keturunan Parsi. Beliau menafsirkan ayat (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) dalam Surah al-Ikhlâs sebagai berkata:

هُوَ الدَّاتُ الْمُنْتَصِفُ بِالْأَلُوْهِيَّةِ وَالشَّهَادِيَّةِ الْمُتَعَالِيَّةِ عَنْ كِلَيْهِمَا بِحَسَبِ ذَاتِهِ الْمُنْتَصِفَةَ بِالْأَلُوْهِيَّةِ وَالرُّبُوْبِيَّةِ

“Bahawa Dia (Allah) adalah Zat disifatkan dengan *Uluhiyyah* yang ghaib dan penyaksian yang tinggi daripada kedua-duanya itu, bahawa ZatNya itu disifatkan dengan *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah*.”

Syeikh Abd al-Qadir al-Jilani menggunakan pendekatan Akidah Sufi atau Tauhid Sufi untuk menjelaskan konsep iman dan ibadat kepada Allah. Beliau menggunakan terma *Uluhiyyah* untuk merujuk kepada Allah sebagai Zat yang bersifat dengan *Uluhiyyah*, manakala terma *Rububiyyah* adalah merujuk kepada Allah yang bersifat dengan Quadrat yang menguasai sekalian alam. Menurut keterangan Syeikh Ahmad Farid al-Muzaydi (2010) yang mentahqiq kitab Tafsir al-Jilani ini, kedua-dua terma ini digunakan ketika membuat ulasan mengenai ayat-ayat dalam Surah al-Fatihah. Beliau menggunakan terma *Uluhiyyah* untuk merujuk kepada *Lafz al-Jalalah*, iaitu Allah (الله), manakala terma *Rububiyyah* adalah untuk merujuk kepada keesaan Allah pada penciptaan-Nya dalam ayat *Rabb al-‘Alamin* (رب العالمين).

Menurut Syeikh al-Sa’di (2002), beliau menafsirkan Surah al-Nas pada ayat *Rabb al-Nas* (رَبِّ النَّاسِ) dan *Ilah al-Nas* (إِلَهِ النَّاسِ) dalam konteks *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah*. Ibn Kathir (1988) pula menafsirkan ayat-ayat dalam Surah al-Nas ini dengan menyebut terma *Rububiyyah*, *al-Mulk* dan *al-Ilahiyyat* yang dijelaskan sebagai tiga sifat Tuhan *Azza wa Jalla*.

Memimpin pandangan Imam Abu Bakr al-Baqillani (2000) yang wafat pada tahun 403H, beliau merupakan seorang tokoh Ilmu Kalam yang terkenal dalam kalangan ulama salaf. Beliau menjelaskan maksud mentauhidkan Allah bererti mengakui tiada Ilah selain Dia dan tiada yang berhak dalam *Ilahiyyah* selain-Nya. Pandangan beliau dihuraikan Imam Akmal al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Babirti (1989) yang menyatakan, bahawa Tauhid itu adalah Ilah yang Maha Esa dan Rabb Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya dalam *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah*-Nya. Manakala pandangan Ibn Abi al-'Izz (1990) yang hidup pada tahun 731-792H menjelaskan maksud Tauhid *Rububiyyah* terarah kepada konsep penciptaan Allah dengan QuadratNya, manakala Tauhid *Uluhiyyah* pula menjadikan Allah sebagai *Ilah* yang berhak ibadatkan dan tidak sekali-kali menyekutukan-Nya.

Syeikh Muhammad Mustafa al-Maraghi (1946) menjelaskan Tauhid *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah* ketika beliau menafsirkan Surah al-Baqarah, ayat 163:

وَاللَّهُمَّ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan yang berhak selain dari Allah Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.” (al-Baqarah: 163).

Beliau menggunakan istilah Syirik *Uluhiyyah* atau Ibadat yang merujuk kepada sikap hamba memohon sesuatu selain Allah dan Syirik *Rububiyyah* iaitu perkongsian kuasa dalam penciptaan dan pentadbiran alam ini.

Di negara kita, di antara tokoh yang memperkatakan tentang Tauhid *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* ialah Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Muttalib al-Andalusi al-Mandili (1963), beliau mengarang kitab Anak Kunci Syurga dan di antara kandungan perbincangan dalam kitab tersebut pada halaman 7 hingga 9 membicarakan Tauhid *Uluhiyyah*, *Rububiyyah* dan *Asma wa Sifat*. Catatan penulisan pada kitab tersebut bertarikh 12/ 2/ 1963 bersamaan 18 Ramadan 1383H di Mekah al-Mukarramah.

## KESIMPULAN

Daripada apa yang dibahaskan oleh tokoh-tokoh ulama dan ilmuwan Islam ini menjelaskan bahawa konsep Tauhid *Uluhiyyah* adalah merujuk kepada konsep ketuhanan Allah Yang Maha Esa dari sudut Zat, manakala Tauhid *Rububiyyah* merujuk kepada konsep ketuhanan Allah Yang Maha Kuasa dari sudut Quadrat. Dengan demikian, pandangan tokoh-tokoh ulama dan ilmuwan Islam ini membuktikan bahawa konsep tauhid Hamka mengenai *Uluhiyyah* atau *Rububiyyah* adalah selari dan seiring dengan pandangan mereka yang terdiri dalam kalangan Ulama Salaf dan Ah al-Sunnah.

## RUJUKAN

'Abd Allah, Sulayman bin. (1987). *Taysir al-'Aziz al-Hamid fi Syarh Kitab al-Tawhid*. Qahirah: Dar al-Ihsan.



- Abdul Rouf dan Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. (2013). *Tafsir al-Azhar dan Tasawuf Menurut Hamka*. Jurnal Usuluddin (Julai – Desember 2013).
- Abu Jayb, Sa'di. (1988). *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Farid. *Min A'lam al-Salaf. (60 Bigrafi Ulama Salaf)*. Pustaka Azzam.
- Ahmad Khairani. (2023). *Proses Manusia Dalam Bertauhid Menurut Buya Hamka (1908-1981)*. Tesis Sarjana Agama (S.Ag) Prodi Aqidah Dan Filsafat Islam Fakultas Ushuluddin Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Ahmad Nuruddin. (2002). *Metodologi Hamka dalam pentafsiran al-Quran: Tumpuan kajian kepada surah al-Ahzab*. Kuala Lumpur: Latihan ilmiah Sarjana Muda Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya.
- Alviyah, Avif, (2016) Metode Penafsiran Buya HAMKA dalam *Tafsir al-Azhar*, Jurnal Ilmu Ushuludin, UIN Antasari, Vol. 15 No.1 Januari.
- al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad ibn al-Mufaddal al-Ragib. (1412H). *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Asy'ari, Abu al-Hassan. (2005). *al-Ibanat 'An Usul al-Diyanat*. Tahqiq: Hassan al-Saqqaf. Beirut: Dar al-Imam al-Nawawi.
- Azyumardi Azra. (1993). Prof. Dr. Hamka: Pribadi dan Institusi MUI,” dalam ed. Azyumardi Azra dan Saeful Umam, *Tokoh dan Pemimpin Agama: Biografi Sosial-Intelektual*. Jakarta: Litbang RI dan Pusat Pengajian Islam dan Masyarakat.
- al-Babirti, Akmal al-Din Muhammad Ibn Muhammad. (1989). *Syarh 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Kuwait: Wizarat al-Syu'un al-Islamiyyah.
- al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud. (1993). *Tafsir al-Baghawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir al-Tamimi. (1928). *Kitab Usul al-Din*. Istanbul: Matba'at al-Daulat.
- al-Baqillani, Abu Bakr. (2000). *al-Inshaf fi ma Yajib I'tiqaduhu wa la Yajuz al-Jahlu bihi*. Qahirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- al-Daynuri, Abu Muhammad Abdullah bin Muslim bin Qutaybah. (1978). *Tafsir Gharib al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Fawazin, Soleh ibn Fauzan ibn Abdullah. (1418). *Akidah al-Tawhid*. al-Su'udiyah, Muassasah al-Haramayn al-Khayriyah.
- Fayruz Abadi, Abu Tahir Muhammad bin Ya'qub. (2005). *al-Qamus al-Muhith*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Hamaki, Hafiz Ibn Ahmad (T.th). *200 Su'al wa Jawab fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*. Qahirah: Dar 'Itisam.
- Hamka. (1979). *Kenang-kenangan Hidup*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hamka. (1982) *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd
- Hamka. (1987). *Tasauf Modern*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hamka. (T.th). *Mensyukuri Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Panji Masyarakat.
- Haumad, As'ad Mahmud (2009). *Aysar al-Tafasir*. Dimasyq: Mujamma' al-Lughat al-Arabiyyah.
- Ibn Abi al-'Izz, Ali bin Ali bin Muhammad. (1990). *Syarh al-Aqidah al-Tahawiyyah*. Muassasah al-Risalah.
- Ibn Abu al-'Izz. (T.th). *Syarh al-Tahawiyyah*. Dar al-Fikr al-Arabi.

- Ibn Abu Zayd al-Qayrawani al-Maliki. (1986). *al-Risalah al-Fiqhiyyah*. Qahirah: Dar al-Arab al-Islami.
- Ibn al-Athir, Abu al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad. (1979). *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Beyrut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn. (2001). *Mu'jam Maqayis*. Beyrut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Hanbal, Ahmad. (1999). *Usul al-Sunnah, Syarah Usul al-Sunnah, Li Imam ahl-Sunnah Imam Ahmad bin Hanbal* (Syarah oleh Syeikh Abdullah bin Abdul Rahman al-Jibrin). Riyadh: Maktabah Dar al-Masir
- Ibn Hanbal, Ahmad. (2008). *Usul al-Sunnah, Syarh Usul al-Sunnah Imam Ahmad bin Hanbal*. (Syarah oleh Walid bin Muhammad Nubayh), (Terj.). Bogor: CV Darul Ilmi.
- Ibn Kathir, Abu Fida. (1988). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Qahirah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Ibn Manzur. (t.th). *Lisan al-'Arab*. Qahirah: Dar al-Fikr.
- Ibn Qayyim al-Jauziyah. (T.th). *Bada'i al-Fawa'id*. Maktabah Masykatul Islamiyah.
- Ibrahim Muhammad Abdullah al-Buraikan. (1998). *Pengantar Studi Aqidah Islam*. Jakarta.
- Idris Saputra (2014). *Konsep Tauhid Dalam Pandangan Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Buya Hamka)*. Tesis Sarjana Filsafat Islam, UIN Klajjaga Yogyakarta.
- al-Jawhari, Abu Nasr Isma'il bin Hammad. (1987). *al-Sihah Taj al-Lughah*. Beyrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- al-Jawzi, Abu al-Faraj Abd Rahman bin 'Ali bin Muhammad. (2002). *Zad al-Masir fi 'Ilmi al-Tafsir*. Beyrut: Dar Ibn Qayyim.
- al-Jaza'iri, Abu Bakar Jabir. (1407H). *Minhaj al-Mukmin*. Qahirah: Dar al-Kutub al-Salafiyyah.
- al-Jaza'iri Abu Bakar Jabir. (1424H). *Aysar al-Tafasir li Kalam al-'Aliyy al-Kabir*. Madinah: Maktbah al-Ulum wa al-Hikam.
- al-Jilani, Abd al-Qadir. (2010). *Tafsir al-Jilani*. Tahqiq: Ahmad Farid al-Muzaydi. Pakistan: al-Maktabat al-Ma'rufiyat.
- Lutfia Nur Afifah. (2022). *Konsep Tauhid Di Dalam Surat al-Ikhlash (Perspektif Tafsir al-Azhar karya Buya Hamka dan Tafsir fi Zilalil Qur'an karya Sayyid Qutb)*, tesis Sarjana dalam Ilmu Agama (S.Ag). Fakultas Ushuluddin Adab dan Humaniora Universitas Islam Negeri Professor Kiai Haji Saifuddin Zuhri Purwokerto.
- M.Yunan Yusuf. (2005). *Ensiklopedi Muhammadiyah*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- al-Ma'adi, Abu Sa'ud Muhammad bin Muhammad bin Mustafa. (T.th). *Irsyad al-'Aql al-Salim Ila Mazaya al-Kitab al-Karim*. Beyrut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- al-Mandili, Abdul Qadir bin Abdul Muttalib al-Andalusi. (1963). *Anak Kunci Syurga*. Pattani, Thailand: Mathba'at bin Halabi.
- al-Maqrizi, Ahmad bin Ali. (2011). *Tajrid al-Tauhid al-Mufid*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahad.
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Maruzi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Nasr bin al-Hajjaj (1406H). *Ta'zim Qadr al-Salah*. Madinat: Maktabah al-Dar.
- al-Marwazi, Muhammad bin Nasr. (1986). *Ta'zim Qadr al-Solat*. Tahqiq: Abdul Rahman bin Abdul Jabar al-Fariwa'i. Madinat al-Munawarat: Maktabah al-Dar.
- al-Maturidi, Abu Mansur bin Muhammad bin Muhammad bin Muhmud al-Hanafi al-Samarqandi. (2009). *Sharh al-Fiqh al-Akbar li Abi Mansur al-Maturidi*. Qahirah: Dar al-Basa'ir.

- al-Maturidi, Abu Mansur bin Muhammad bin Muhammad bin Muhmud al-Hanafi al-Samarqandi. (2005). *Takwilat Ahl al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Maturidi, Abu Mansur bin Muhammad bin Muhammad bin Muhmud al-Hanafi al-Samarqandi. (T.th). *Sharh al-Fiqh al-Akbar*. Qatar: Tubi'a 'Ala Nafaqat al-Shu'un al-Diniyyah.
- Maulana Abu Kalam Azad. (1991). *The Opening Chapter of the Qur'an*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Mohammad Redzuan Othman. (2008). *Sumbangan Hamka Dalam Penulisan Sejarah Melayu di Alam Melayu. Pemikiran Hamka*. Suntingan Sidek Baba. Kuala Lumpur: DBP.
- al-Mughnisawi, Abu al-Muntaha. (2009). *Sharh al-Fiqh al-Akbar li Abi al-Muntaha al-Mughnisawi*. Qahirah: Dar al-Basa'ir.
- Muhammad Yusry Affandy Md Isa. (2023). *Penghayatan Akidah Dalam Surah al-Fatihah Menurut Pentafsiran Haji Abdul Malik Bin Karim Amrullah (1908-1981) Understanding The Faith In Surah al-Fatihah According To The Interpretation Of Haji Abdul Malik Bin Karim Amrullah (1908-1981)*. JURNAL YADIM International Journal of Islam and Contemporary Affairs Vol. 3 No. 2 (2023).
- al-Nasafi, Abu al-Barakat Abdullah bin Ahmad. (1998). *Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Takwil*. Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Nu'man, Ahmad. (t.th). *al-Fiqh al-Absath*. Qahirah: Matba'ah al-Anwar.
- al-Qurtubi. (1988). *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Rafli. (2020). *Konsep Akidah Menurut Buya Hamka*. Tesis Sarjana, Jurusan Aqidah Dan Filsafat Islam, Fakultas Ushuluddin Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- al-Razi, Abu al-Husayn Ahmad bin Faris. (1979). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Rida, Muhammad Rasyid (1971). *al-Wahy al-Muhammadi*. al-Maktab al-Islami.
- Rida, Muhammad Rasyid. (1999). *Tafsir al-Manar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Rida, Muhammad Rasyid. (2005). *Tafsir Surah al-Fatihah wa Sittu Suwar min Khawatim al-Qur'an. (Tafsir al-Fatihah: Menemukan Hakikat Ibadah)*. Terj: Tiar Anwar Bachtiar. Bandung: Mizan.
- al-Sa'di, Abdul Rahman Nasir. (2002). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Saudi: Dar al-Salam.
- al-Sam'ani, Abu Sa'd Abd al-Karim bin Muhammad at-Tamimi. (1912). *Kitab al-Ansab*. London: Leiden. E. J. Brill.
- Seminar Pemikiran Buya Hamka, bertempat di Ibnu Taimiyyah Conference Room, Kulliyah of Economics and Management Sciences, International Islamic University Malaysia, Jalan Gombak, Kuala Lumpur pada Sabtu, 13 April 2019.
- al-Tabari. (1988). *Jami' al-Bayan 'An Takwil Ay al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Tantawi, Sayyid. (2004). *al-Jawahir fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Turthushi, Abu Bakr Muhammad bin al-Walid. (1289H). *Siraj al-Muluk*. Iskandariyyah: al-Matba'ah al-Wataniyyah.
- VOI. Selasa, 02 Juli 2024. *Buya Hamka Dipenjara Pemerintah Orde Lama dalam Sejarah Hari Ini*, 27 Januari 1964.
- Yasin, Muhammad Na'im (1979). *al-Iman: Arkanuh, Haqiqatuh, Nawaqiduh*. Oman: Jami'yyah 'Ummal al-Maktabi al-Ta'awuliyah.

- Yayasan Pesantren Islam al-Azhar. (2008). *Mengenang 100 Tahun Hamka*. Jakarta: Yayasan Pesantren Islam al-Azhar.
- al-Zamakhsyari, Mahmud bin ‘Amr. (1407H). *al-Kasyaf ‘An Haqa’iq al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi Wujud al-Takwil*. Beyrut: Dar al-Kitab al-‘Arabi
- Zawiyah Baba & Zuraidah Hassan, (2014). *Analisis Bibliografi Karya HAMKA dalam Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 2(1), 2014.